

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA  
MAHKAMAH RAYUAN  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
JALAN RAJA  
50506 KUALA LUMPUR.

Ruj. Bil (2)d/m. MR/12 Jld. 1

Tarikh: 17 Jun, 1996

*Am 212198*

ARAHAN AMALAN MAHKAMAH RAYUAN BIL 2 TAHUN 1996

Permohonan kebenaran untuk merayu  
ke Mahkamah Rayuan

Adalah didapati sehingga kini ada diantara peguam-peguam masih samar-samar samada sesuatu kes itu memerlukan terlebih dahulu kebenaran Mahkamah Rayuan sebelum notis rayuan boleh difailkan dalam kes-kes yang tidak ada kaitan dengan amaun atau nilai yang tertentu.

Maka dengan ini, Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan membuat garis panduan bahawa dalam perkara-perkara seperti berikut kebenaran tidaklah diperlukan -

- i) Certiorari - berkaitan dengan mana-mana rayuan yang melibatkan keputusan Mahkamah Perusahaan, keputusan Lembaga Tatatertib atau mana-mana badan yang menjalankan fungsi 'quasi-judicial' yang melibatkan prinsip keadilan semulajadi (natural justice).
- ii) Deklarasi - untuk mengisytiharkan bahawa sesuatu pemberian lesen, perbuatan, peninggalan atau keputusan sesuatu badan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang adalah tidak sah dan terbatal.
- iii) Injunksi.

...2/-




- 2 -

- iv) Petisyen penggulungan syarikat - kecuali permohonan yang dibuat dibawah Sub-Seksyen 218(e) dan g(i) Akta Syarikat 1965 yang melibatkan jumlah hutang kurang dari RM250,000.
- v) Prosiding bankrupsi.
- vi) Perkara-perkara berkaitan dengan prosiding hal ehwal suami isteri dibawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- vii) Penghakiman untuk gantirugi jumlah tak tertentu (unliquidated damages/unliquidated amount).

Sekian, harap maklum.

Saya yang menurut perintah,

  
( HAS ZANAH BTE MEHAT )  
Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia.  
Kuala Lumpur.

Kepada:

- Y.B. Peguam Negara Malaysia.
- Y.B. Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching.
- Y.B. Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu.

...3/-

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan.

Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Pegawai Khas/Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha, Majlis Peguam, Malaysia.

Semua Setiausaha, Jawatankuasa-Jawatankuasa Peguam Malaysia.

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching.

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu.

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan.

Pustakawan  
Jabatan Peguam Negara.

Malayan Law Journal (Pte) Ltd.

Current Law Journal.

Central Law Books.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asia Pacific Publications Sdn Bhd.

Law Library Consultant.

Salinan Kepada:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Y.A. Hakim Mahkamah Persekutuan.

Y.A. Hakim Mahkamah Rayuan.

Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak.